






**SIARAN AKHBAR**

**INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI)  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU PERTAMA (Q1 2020)**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku pertama 2020. Indeks ini dihasilkan dengan data-data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI).
2. Pada suku pertama tahun 2020, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 0.5% tahun-ke-tahun kepada 91.1 berbanding dengan suku pertama tahun 2019, dan penurunan sebanyak 4.3% berbanding dengan suku keempat tahun 2019.

| Tempoh         | Indeks<br>(Q1 2015 = 100) | Perubahan (%) |              |
|----------------|---------------------------|---------------|--------------|
|                |                           | Dari Q1 2019  | Dari Q4 2019 |
| <b>Q1 2020</b> | <b>91.1</b>               | <b>-0.5%</b>  | <b>-4.3%</b> |





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 76 transaksi pembelian hartanah kediaman telah dicatatkan pada suku pertama tahun 2020. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah kembar atau *semi-detached* (32.9%); diikuti dengan rumah *detached* (30.3%); rumah teres (18.4%); dan pangsapuri (18.4%). Tiada transaksi bagi tanah telah dicatatkan bagi suku tersebut.
4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman pada tempoh suku pertama tahun 2020 ialah BND249,000, peningkatan sebanyak 1.6% berbanding dengan suku pertama tahun 2019, dan 3.5% lebih rendah berbanding dengan suku keempat tahun 2019. Harga median pada tempoh suku pertama tahun 2020 bagi pembelian rumah *detached* ialah BND300,000; bagi

rumah berkembar atau *semi-detached* ialah BND260,000; bagi rumah teres ialah BND176,750; dan bagi pangsapuri ialah BND232,000.

5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman adalah berbeza tertakluk antarlainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD ([www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn)). Maklumat terkini mengenai RPPi juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti\_monetari.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 4 Zulkaedah 1441H/ 26 Jun 2020M

Rujukan: AMBD/COMMS/3